

Sikap autisme mudah terbentuk melalui rutin

PADA masa ini, masyarakat Malaysia sudah mempunyai pengetahuan yang luas mengenai autisme. Mereka sedar, golongan ini tidak mempunyai kemampuan yang sama seperti orang normal.

Oleh yang demikian, mereka diklasifikasikan sebagai orang kelainan upaya (OKU).

Lazimnya, apabila berdepan dengan golongan istimewa itu, rata-rata masyarakat akan menunjukkan simpati dan belas kasihan terhadap mereka.

Namun, sejauh manakah tahap pemahaman individu normal tentang golongan istimewa ini?

Menurut *Kamus Oxford Advance Learner*, autisme merupakan gangguan psikologi terhadap perkembangan komunikasi, sikap, emosi, gerakan tubuh badan, sosial dan sentuhan seseorang.

Dalam erti kata yang lebih mudah, mereka mempunyai perasaan sama seperti manusia normal tetapi mempunyai kesukaran dalam meluahkan emosi.

Kosmo! baru-baru ini melaporkan, seorang ibu berasa kesal dengan kejadian anak gadisnya yang berusia 24 tahun dicabul oleh seorang pemuda yang mempunyai masalah autisme.

Kejadian itu berlaku ketika lelaki tersebut, Ahmad Ziqri Morshidi, 22, sedang menyambut hari lahirnya di sebuah



JIKA sudah dibiasakan dengan sesuatu perkara sejak kecil, kanak-kanak autisme akan ikut sahaja tanpa mengubahnya sehingga dewasa. — Gambar hiasan

restoran di Selangor


Ekoran kejadian itu, ibu mangsa telah melaporkan kejadian berkenaan kepada pihak berkuasa sebelum Ahmad Ziqri ditahan dan bermalam di lokap.

Tindakan itu telah mengundang kemarahan netizen dengan menganggap mangsa dan keluarga tidak sensitif dengan keadaan Ahmad Ziqri yang tergolong dalam golongan istimewa.

Menurut Pensyarah Kanan dan Psikologi Klinikal Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Nor Sheereen Zulkifly, apa yang berlaku pada kes di atas adalah di luar jangkauan dan pemikiran si pengaga ketika itu.

“Saya difahamkan, sambutan hari lahir yang berlangsung adalah perkara rutin yang dilakukan keluarga tersebut pada setiap tahun. Ini kerana mereka ada mengatakan sambutan itu berlangsung di restoran kegemaran anaknya dan setiap kali berkunjung ke restoran tersebut, Ahmad Ziqri akan bersiar-siar ke kedai berhampiran.

“Ini menunjukkan kejadian yang menimpa mangsa tempoh hari adalah



AHMAD ZIQRI (baju jingga) ditengangkan ibunya selepas ditahan pihak berkuasa kerana bertindak di luar kawalan.

Ibu kesal kejadian anak diraba



KERATAN Kosmo! 17 September 2018.

sesuatu yang di luar rutin Ahmad Ziqri. Tindakan Ahamd Ziqri itu tidak dapat dibaca ibunya lebih-lebih lagi apabila ia berlaku dalam tempoh yang pantas,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Merangsang

Tuturnya lagi, sikap autisme mudah terbentuk melalui rutin. Sejak kecil jika sudah dibiasakan dengan sesuatu perkara, mereka akan ikut sahaja tanpa mengubahnya sehingga dewasa.

Oleh demikian, jika mereka melakukan sesuatu di luar tindakan rutin, adakalanya ia tidak dapat diketahui melainkan mereka ada melakukan proses dikenali *stimming*.

Stimming merupakan perlakuan merangsang diri sendiri kepada tingkah laku berulang-ulang tanpa tujuan tertentu.

Contohnya, berjalan mundar-mandir, ketawa di luar konteks, mengibas tangan berulang kali, memukul kepala dan sebagainya.

“Apabila mereka melakukan gerakan ini, ia adalah tanda emosi mereka terganggu. Emosi terganggu di sini boleh membawa maksud sama ada mereka gembira, sedih, sakit, marah, takut atau sebagainya.

“Sebaik mereka menunjukkan tanda-tanda *stimming*, seoloknya penjaga perlu mengalih perhatian dengan memahami keperluan dan kehendak autisme ini,” ujarnya.

Autisme bermula sejak awal tahun 20 Masihi lagi. Perkataan autisme berasal daripada bahasa Greek iaitu *autos* yang membawa maksud sendiri. Dalam konteks ini, *autos* merujuk kepada seseorang yang hidup dalam dunianya sendiri.

Autisme juga tergolong dalam beberapa tahap seperti ringan, sedang dan berat.

“Memang sukar untuk mengetahui apa yang berada dalam fikiran mereka. Apa yang boleh dikatakan, penjaga perlu sentiasa peka dengan keadaan anak autisme.

“Jika sesuatu terjadi, itu semua bukan perancangan yang kita hendak, sentiasa sabar menjaga golongan istimewa ini,” katanya.



NOR SHEEREEN

FAHAMAI keperluan dan kehendak anak-anak autisme dengan segera jika mereka menunjukkan tanda-tanda *stimming*. — Gambar hiasan

